

# Permohonan bagi dermasiswa dibuka

19 Sep 2014

Berita Harian

PELAJAR Muslim setempat yang mengikuti pengajian undang-undang dan pengajian perubatan peringkat ijazah di luar negara diundang mendapatkan dermasiswa Tabung Pendidikan Islam Singapura (SMEF) yang ditadbir Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Pelajar undang-undang yang berjaya dipilih akan menerima dermasiswa sebanyak \$3,000 sementara pelajar perubatan pula akan menerima \$5,000.

Pemohon mesti mengikuti pengajian pada tahun ini dan ijazah yang diraih perlu diiktiraf di sini.

Borang permohonan boleh dimuat turun daripada laman web AMP di [www.amp.org.sg](http://www.amp.org.sg) atau daripada salah satu pejabat badan berkenaan di Pasir Ris Drive 4 atau pusat beli-belah Jurong Point.

Maklumat lanjut mengenai permohonan boleh didapatkan dengan menghubungi Cik Noraqilah di talian 6416-1425 atau e-mel kepada [noraqilah@amp.org.sg](mailto:noraqilah@amp.org.sg).

Tarik tutup permohonan 6 Oktober ini.